

Cermin mata baru bagi nenek...

▶ **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

SEJAK dua tahun lalu, Cik Amina Abdullah, 75 tahun, tidak pernah menjalani ujian mata.

Meskipun penglihatannya kurang jelas, nenek 12 cucu itu tetap tidak mendapatkan cermin mata baru kerana kosnya yang agak tinggi.

"Boleh nampak lagi, cuma tak jelas, tapi boleh tahan. Lagipun bukan selalu keluar rumah dan kalau keluar pun, pergi pasar sahaja.

"Dahulu apabila anak saya belikan

saya cermin mata, harganya sekitar \$300," ujarnya yang kadar kerabunannya telah mencapai lebih 800 darjah.

Namun semalam, Cik Amina, yang turut mengalami masalah katarak, dapat melihat dengan lebih jelas semula setelah menerima hadiah sepasang cermin mata baru.

Beliau merupakan antara sekitar 40 warga tua yang memerlukan di kawasan Tanjong Pagar-Tiong Bahru yang menerima cermin mata serta alat bagi membantu warga tua bergerak seperti kerusi roda dan tongkat, hasil bantuan Dana Mobiliti Warga Tua (SMF).

Mereka menerima alat bantuan itu dari-

pada Menteri Negara Kanan (Undang-Undang merangkap Pendidikan), Cik Indranee Rajah, di sebuah acara sambutan Krismas di Blok 110, Jalan Bukit Merah, semalam.

Cik Indranee, yang juga Anggota Parlimen GRC Tanjong Pagar, menghadiri acara itu selaku tetamu terhormat.

Cik Amina tinggal bersama suaminya, Encik Abu Bakar Omar, 78 tahun, di sebuah flat sewa dua bilik di Jalan Bukit Merah. Kedua-dua mereka tidak bekerja.

Dengan bantuan itu, 90 peratus daripada kos cermin mata barunya dibiayai SMF.

Biasanya, penerima bantuan harus membayar baki 10 peratus daripada kos penuhnya, tetapi kali ini, Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC) Tanjong Pagar-Tiong Bahru turut melunaskannya bagi sekitar 40 warga tua yang memerlukan itu.

Relawan daripada Pertubuhan Akar Umbi (GRO) Tanjong Pagar-Tiong Bahru telah bekerjasama dengan Pusat Kegiatan Warga Tua (SAC) Thye Hua Kwan serta pelajar Politeknik Nanyang dan Ngee Ann sejak September lalu untuk membantu penduduk warga tua itu menjalani ujian mata dan pergerakan.



HADIAH PENGLIHATAN LEBIH JELAS: Cik Indranee membantu Cik Amina yang gembira dapat melihat lebih jelas dengan cermin mata barunya. – Foto KHALID BABA